

31 OCT 2003

Mahathir-penghargaan/I

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT TINGGAL, BERTERIMA KASIH KEPADA NEGARA DAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 31 Okt (Bernama) -- Di hari terakhir khidmatnya sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang menyokong beliau di saat-saat susah dan senang sepanjang 22 tahun beliau memimpin negara.

Bercakap dalam satu sidang media sebelum beliau berundur, Dr Mahathir berkata bahawa berkat sokongan itu, beliau telah berjaya mengatasi segala rintangan sepanjang menerajui kerajaan.

Kelihatan tenang dan segar berpakaian ala-Nehru, Dr Mahathir berkata beliau amat terharu menerima kesemua surat dan ucapan terima kasih dan penghargaan kerana sumbangan beliau kepada negara.

"Semua usaha ini memberi kepuasan kepada hati saya, dan inilah balasan yang lebih besar daripada apa-apa yang lain iaitu penghargaan yang diberi dan ucapan terima kasih yang disampaikan," katanya pada sidang media 30 minit itu yang turut dihadiri isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Ketika ditanya mengenai perasaannya menjelang beberapa jam saja sebelum menyerahkan tugas kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, katanya beliau merasa lega bahawa "beban" memimpin negara kini akan dipindahkan dari bahunya.

Sepanjang sidang media itu, Dr Mahathir kelihatan tenang walaupun ada kalanya beliau nampaknya cuba mengawal perasaan, dan ini telah menarik perhatian Dr Siti Hasmah yang duduk di sebelahnya.

Ketika ditanya tentang perasaannya tentang persaraan suaminya, Dr Siti Hasmah berkata beliau juga merasa lega, dan secara berseloroh mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana telah "memulangkan" Dr Mahathir kepada beliau.

Sambil mengakui merasa sedih sedikit, Dr Mahathir berkata hakikatnya ialah beliau telah menjadi perdana menteri terlalu lama dan adalah lebih baik jika ada perubahan.

Sidang media kali ini dipenuhi soalan-soalan yang lebih bersifat peribadi daripada hal-hal yang berkaitan politik dan ekonomi seperti lazimnya.

Ketika ditanya bagaimana beliau dapat mengawal perasaannya semasa berdepan dengan pelbagai keadaan yang sukar, Dr Mahathir berkata : "Sudah tentu saya kelihatan tenang tetapi otak saya sentiasa berputar kerana saya berfikir setiap masa."

Mengenai rancangannya selepas ini, pemimpin berusia 78 tahun berasal dari Kedah itu berkata beliau akan berlepas ke luar negara esok untuk bercuti.

"Saya akan lakukan apa yang perlu. Dan saya mungkin menulis pengalaman saya dengan harapan ianya dapat memberi manfaat kepada yang lain," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan terus bersuara lantang, Dr Mahathir berkata : "Terpulang kepada keadaan. Saya menerima banyak undangan untuk berucap, dan apabila tiba masanya, saya akan berikan pendapat ikhlas saya tentang sesuatu perkara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau gembira kerana Malaysia kini lebih dikenali di peringkat antarabangsa, dan walaupun ada pihak yang tidak bersetuju dengan pendirian negara ini, mereka tidak dapat mengetepikannya.

Ditanya di mana beliau akan menyambut Hari Raya tahun ini, beliau berkata ia belum ditetapkan.

"Ini adalah pertama kali dalam 22 tahun saya menyambutnya tanpa perlu bekerja pada hari itu," katanya.

Di akhir sidang media itu, Dr Mahathir dikerumuni wartawan untuk mendapatkan tandatangannya serta bergambar dengan beliau.

Keadaan serupa berlaku selepas solat Jumaat di Masjid Putra apabila para jemaah mengambil peluang untuk berjabat tangan dengan beliau.

-- BERNAMA

MAM JM MAI